

# Seloka sindiran Rashid

■ Mesej tersirat dengan lukisan kartun ringkas beri pengajaran pada generasi muda



**"Bagi saya, Rashid itu mempromosikan diri secara 'santai' dan tidak melampaui batas"**  
Dr Mohammad Shatar

INI RASHID.

RASHID BACA SURAH AL-KAHFI UNTUK ISI MASA LAPANG BILA MALAM JUMAAT.

RASHID TAK BUANG MASA UPDATE STATUS KAT FACEBOOK SEPERTI "HMM ABANG BILA NAK BALIK RUMAH, NI KAN MALAM JUMAAT".

RASHID BIJAK DAN BUKAN OTAK KUNING.

JADILAH SEPERTI RASHID.



SELOKA 'Jadilah seperti Rashid' di laman sosial.

INI RASHID.

RASHID MENULIS KOMEN DI FACEBOOK.

RASHID TIDAK MENULIS PERKATAAN "SEKARANG" DENGAN EJAAN "SKUNK"

RASHID TAHU SKUNK ADALAH SEJENIS HAIWAN.

RASHID BIJAK.

JADILAH SEPERTI RASHID.



Oleh Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**elagi berunsur positif, tidak memburukkan mana-mana individu secara terus atau menyentuh hal politik, ia dianggap sebagai satu kaedah kreatif dan berkesan untuk berdakwah kepada masyarakat terutama generasi muda yang semakin berfikiran rasional ketika ini.

"Walaupun berbentuk sindiran dan kiasan, kita boleh membuat penilaian terbaik mengenai mesej dinyatakan yang rata-ratanya menunjukkan moral yang perlu diteladani semua pihak," kata

pakar sosiologi Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau mengulas kemunculan blog 'Jadilah Seperti Rashid' yang semakin diperkatakan di dunia siber berikutan memaparkan barisan ayat berkaitan sikap atau tabiat buruk masyarakat tempatan dengan lukisan kartun ringkas.

Ia meninggalkan mesej tersirat supaya mencontohi karakter positif Rashid itu yang sekali gus menarik perhatian lebih

260,000 'likers' di halaman Facebook (FB) selain menjadi viral dalam tempoh hanya beberapa hari sejak kebelakangan ini.

Sudah menjadi lumrah, keadaan itu bagaimanapun tidak disukai segelintir netizen yang menganggap ia sebagai publisiti murahan dan sepatutnya menjadikan insan tertentu sebagai teladan terbaik untuk dicontohi.

Bagaimanapun, Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), memuji usaha individu 'misteri' itu yang disifatkan cuba menonjolkan diri menerusi imej dan persepsi positif kepada masyarakat.

"Bagi saya, Rashid itu mempromosikan diri secara 'santai' dan tidak melampaui batas dengan hanya menggunakan bahasa biasa yang mudah difahami. Dia tidak menyebut nama mana-mana individu dan juga tiada unsur paksaan untuk mengikut apa yang dinyatakannya.

"Cara seumpama itu amat bersesuaian untuk golongan muda kini yang semakin bergantung kepada teknologi Internet dan dianggap antara dakwah terbaik untuk mendekati mereka," katanya.

Beliau berkata, perkara itu perlu diberikan pujian kerana tidak menjadi fenomena yang lebih ke arah berunsur negatif antaranya beberapa aplikasi telefon pintar.

"Apa yang cuba diketengahkan Rashid itu lebih kepada pengajaran dan tidak terpengaruh dengan tabiat buruk rakyat kita. Saya tidak bersetuju jika kita membuat perbandingan atau mengaitkan watak kartun berkenaan dengan individu lain," katanya.

Justeru, Mohammad Shatar menasihatkan pihak yang mewujudkan karakter itu supaya meneruskan usaha murni berkenaan dan beliau turut yakin ia mempunyai agenda tersendiri untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, pengendali laman FB Jadilah Seperti Rashid dalam statusnya sebelum ini memaklumkan nama Rashid atau Murshid berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud penunjuk jalan.

"Kami perasan banyak sangat orang kita melakukan aktiviti harian dengan cara yang salah. Kami akan cuba betulkan melalui mesej yang disampaikan dalam bentuk gambar ringkas.

"Ya kami sebagai Muslim tahu contoh terbaik adalah Rasulullah, tapi selagi apa yang Rashid buat tidak bertentangan dengan ajaran Rasulullah, apa salahnya?"

Kami bukan Rashid dan Rashid bukan kami. Kami hanya mengajak kita semua untuk Jadilah Seperti Rashid," katanya.